

Perdana Menteri disaran elak hadir

PETALING JAYA - Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad disaran tidak hadir pada Kongres Maruah Melayu di Stadium Malawati, Shah Alam hari ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kota Damansara, Shatiri Mansor berkata, saranan itu bagi mengelak rakyat berada dalam keadaan dilema.

Menurutnya, penganjuran kongres tersebut dilihat hanya akan mencetuskan isu perkauman di Malaysia.

"Nasihat saya, elok Dr Mahathir jangan pergi. Pendapat saya begitu kerana kalau tidak ia hanya akan membakar lagi isu perkauman di negara ini," katanya kepada *Sinar Harian* selepas forum terbuka bertajuk 'Malaysia Baru Rasisme Lama' yang berlangsung di Gerak Budaya di sini semalam.

Shatiri berkata, penganjuran kongres berkenaan juga lebih terarah kepada



SHATIRI

mainan politik semata-mata.

"Jadi saya harap Dr Mahathir dapat melihat semua ini dengan jelas," katanya.

Kongres Maruah Melayu dijangka menghimpunkan ribuan masyarakat daripada pelbagai latar belakang dalam usaha mencari penyelesaian bagi memperbaiki kedudukan dan maruah Melayu.

Kongres yang dijadualkan bermula jam 8 pagi itu anjuran bersama Universiti Malaya (UM), Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) serta Persatuan Peguam Muslim Malaysia.

UM akan mengendalikan persoalan politik, selain UiTM (ekonomi), UPSI (pendidikan) dan UPM pula akan menumpukan isu kebudayaan serta agama.

Untuk rekod, Stadium Malawati Shah Alam boleh menampung sehingga 15,000 orang.